



09 SEP, 2021

Jual patin secara online

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Atasi masalah lambakan ikan daripada 4,096 sangkar Jual patin secara online

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

TEMERLOH – Jabatan Perikanan dengan kerjasama Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang berusaha meningkatkan kaedah menjual ikan patin secara online bagi mengatasi masalah lambakan hidupan sungai tersebut.

Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, mereka juga sedang melihat ke arah usaha proaktif untuk memperbanyakkan lagi industri hiliran ikan patin supaya isu itu tidak berulang.

Katanya, Jabatan Perikanan telah berhubung dengan MARDI sejak April lalu untuk mengadakan kursus kemahiran pemprosesan ikan patin sebagai perseediaan menghadapi isu tersebut.

"Bagaimanapun, ketika ini kursus kemahiran bersemuka tidak boleh dibuat dan mungkin ia akan dilakukan selepas Majlis Keselamatan Negara memberi kebenaran kelak.

"Antara produk hiliran berasaskan ikan patin termasuklah produk sejuk beku pais patin, tauhu ikan patin, tempura, kepingan isi ikan (*fillet*) dan kebab ikan," katanya selepas meninjau kilang pemprosesan produk hiliran ikan patin Lazizpatin di sini semalam.

Selasa lalu *Kosmo!* melaporkan ramai penternak ikan patin sangkar di Temerloh pening kepala memikirkan cara untuk mencari pelanggan ekoran kurang permintaan daripada pengusaha restoran sedangkan bekalan ikan itu semakin berlam-bak.



ABDULLAH (kiri) mendengar penerangan daripada pengusaha Lazizpatin, Saharudin Ahmad (kanan) di kilang pemprosesan produk hiliran ikan patin di Temerloh semalam.



KERATAN Kosmo! kelmarin.

Menurut Abdullah berdasarkan data 2020 terdapat sebanyak 1,673 penternak ikan sangkar di seluruh negeri dengan 34 peratus daripadanya iaitu 563 orang penternak adalah di Temerloh.

Beliau memberitahu, jumlah keluasan ikan sangkar di Temerloh sahaja adalah seluas kira-kira enam hektar dengan bilangan

4,096 unit sangkar ikan.

Dalam pada itu beliau berkata, MARDI sememangnya mempunyai teknologi penghasilan produk sejuk beku yang boleh dimanfaatkan oleh penternak ikan patin dalam memastikan pasaran ikan sungai berkenaan dapat dilakukan berterusan.

"Kita juga akan berusaha untuk padankan kaedah pemasaran online dengan menjualnya di online dan NekomatBiz yang boleh membantu dari segi pemasaran," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, tidak timbul masalah rentas negeri atau daerah kepada pengusaha dan penternak ikan patin kerana ia merupakan industri rantaian makanan dalam kategori perkhidmatan perlu.



09 SEP, 2021

Jual patin secara online

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Atasi masalah lambakan ikan daripada 4,096 sangkar

TEMERLOH - Jabatan Perikanan dengan kerjasama Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang berusaha meningkatkan kaedah menjual ikan patin secara online bagi mengatasi masalah lambakan hidupan sungai tersebut. Pengarah Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, mereka juga sedang melihat ke arah usaha proaktif untuk memperbanyakkan lagi industri hiliran ikan patin supaya isu itu tidak berulang.